

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 21/6 / 2010

## Melayu Ke Mana: Luahan peribadi Tun Mahathir

UM - 21/06/2010

KUALA LUMPUR 20 Jun –  
Tulisan bekas Perdana Menteri,  
Tun Dr. Mahathir Mohamad  
bertajuk *Melayu Ke Mana* dalam  
blognya yang dibidas  
penganalisis politik  
mengundang polemik baru dan  
mencetus pelbagai reaksi  
daripada  
pertubuhan-pertubuhan bukan  
kerajaan (NGO) Melayu.

Rata-rata NGO Melayu ketika  
dihubungi *Utusan Malaysia*  
menyifatkan tulisan itu sebagai  
luahan peribadi beliau sebagai  
seorang pemimpin berbangsa  
Melayu dan pendapat itu perlu  
dihormati.

Presiden Pertubuhan  
Pribumi Perkasa Malaysia  
(Perkasa), Datuk Ibrahim Ali  
berkata, tidak timbul soal Dr.  
Mahathir terdesak atau tidak  
matang dalam berfikir.

“Bagi saya, Dr. Mahathir  
cuma mengingatkan orang  
Melayu supaya tidak terus  
bertelagah. Rasanya tidak salah  
seorang bekas pemimpin negara  
melahirkan pendapat  
berdasarkan pengamatan dan  
pengalaman beliau sendiri yang  
sudah 22 tahun meneraju  
negara.

“Saya setuju dengan beliau  
kerana saya sendiri berpendapat  
orang Melayu sekarang  
tergolong dalam pelbagai puak.

“Ada puak yang  
mementingkan diri sendiri, ada  
puak yang intelektual sehingga  
lupa asal-usul dan ada puak  
yang kononnya liberal dan  
berfikiran terbuka,” tegas beliau.

Ibrahim juga menjelaskan,  
sebelum perpecahan menjadi  
serius, Perkasa akan  
memainkan peranan yang lebih  
aktif dalam usaha  
menyatupadukan orang  
Melayu.

“Agenda utama Perkasa ialah  
berjuang habis-habisan untuk  
membela dan menyatukan  
kaum Melayu.

“Justeru, kita merancang  
membentuk model baru  
perpaduan yang menyatukan  
orang Melayu tanpa mengira  
fahaman politik demi menjaga  
kepentingan bangsa dan  
memelihara kesucian agama  
Islam. Insya-Allah,” tambahnya.

Sementara itu, Presiden  
Pertubuhan Pemikir  
Profesional Melayu Malaysia,  
Prof. Datuk Dr. Kamarudin  
Kachar menyeru orang Melayu  
agar duduk berbincang dan  
mengenepikan perbezaan  
ideologi politik demi  
kesejahteraan bersama.

“Tulisan Tun saya sifatkan  
sebagai satu bentuk peringatan  
supaya kita tidak menyesal di  
kemudian hari.

“Cuba renungkan, andai kita  
berpecah belah dan hilang  
kuasa, kita akan dipijak-pijak  
bangsa lain,” tegas beliau.

Ahli Majlis Tertinggi  
Pertubuhan Kebajikan dan  
Dakwah Islamiah Malaysia  
(Pekida) Wilayah Persekutuan,  
Roslan Dahaman pula  
membidas pihak yang  
memperlekehkan tulisan Dr.  
Mahathir sebagai tidak peka  
dengan situasi semasa.